

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pendahuluan

Penguasaan kemahiran membaca Jawi di kalangan masyarakat Melayu merupakan satu isu yang sering diperkatakan oleh segenap lapisan masyarakat. Menurut Kang (Utusan Malaysia 1992) penggunaan tulisan jawi telah merosot dan tidak lagi dianggap sebagai identiti orang Melayu. Kajian Utusan Melayu, pertengahan tahun 1970-an mereka yang lahir sebelum tahun 1947 sahaja yang betul-betul mahir membaca dan menulis Jawi.

Penguasaan kemahiran membaca Jawi di kalangan masyarakat Melayu mula menampakkan kemerosotan melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran (1956):

“Kami telah menimbaangkan dengan halus berkenaan perkara menggunakan tulisan rumi dengan syarat diadakan pelajaran jawi bagi murid-murid Islam.”

Akta Bahasa Kebangsaan 1963, menyebut:

“Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi dengan syarat bahasa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi.”

Pelaksanaan Penyata jawatankuasa Pelajaran (1956) dan Akta Bahasa Kebangsaan (1963) telah mempengaruhi kegiatan agensi kerajaan, termasuk Kementerian Pelajaran Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, bagi menumpukan kegiatannya kepada tulisan Rumi. Semua mata pelajaran diajar menggunakan tulisan Rumi, termasuk mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka pula mula mengeluarkan buku-buku, majalah dan terbitan-terbitannya yang lain dalam tulisan Rumi. Penerbit akhbar dan buku swasta juga mengalih kegiatan mereka daripada menggunakan tulisan Jawi kepada tulisan Rumi bagi memenuhi kehendak pasaran.

Dengan perisytiharan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1963 yang menetapkan Bahasa Melayu ditulis dengan tulisan Rumi telah mengakibatkan tulisan Jawi hilang kedudukannya dalam bidang pendidikan. Keadaan ini

bertambah buruk lagi apabila Akta 63/67 dikuatkuasakan mulai 1 haribulan Julai 1971. Walaupun pada prinsipnya akta tersebut tidak bermaksud untuk menghapuskan tulisan Jawi tetapi ia mempunyai pengaruh kepada kesan jangka panjang terhadap pupusnya tulisan Jawi. Akhirnya tinggallah tulisan Jawi sebagai barang khazanah lama yang hanya layak untuk ditonton seperti papan tanda, dinding masjid dan arca-arca perhiasan.

Selepas kemerdekaan sistem pendidikan di Malaysia telah melalui beberapa perubahan. Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa pengantar utama di sekolah seluruh Malaysia. Tulisan Jawi tidak lagi dijadikan mata pelajaran yang berasingan tetapi diajar kepada murid-murid di peringkat rendah dan menengah sebagai sebahagian daripada aspek bahasa yang sama tarafnya seperti tatabahasa, peribahasa, bacaan, kefahaman, puisi, surat kiriman dan karangan.

(Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah 1983)

Hakikat kepupusan tulisan jawi di kalangan orang-orang Melayu mula mendapat reaksi daripada pelbagai pihak seperti pendidik, tokoh-tokoh budaya, ahli-ahli agama dan termasuk juga ahli-ahli politik. Media Massa seperti media cetak elektronik turut memberi sokongan dengan menyediakan ruang untuk memuatkan rencana-rencana tentang pendapat dan sungutan daripada pelbagai pihak berhubung dengan fenomenon kepupusan itu. Di antara keluhan yang

dilahirkan tentang ketidakupayaan generasi muda membaca Jawi tersiar di akhbar-akhbar serta majalah-majalah tempatan dalam tahun 1980-an .

“Generasi muda yang dilahirkan selepas merdeka tidak lagi mempunyai kemahiran membaca dan menulis Jawi. Ukuran dapat diambil daripada semakin berkurangnya penerbitan dalam tulisan jawi dan berkurangnya sambutan terhadap penerbitan bahan yang menggunakan tulisan Jawi seperti akhbar Utusan Melayu, Utusan Zaman dan majalah-majalah yang diterbitkan dalam tulisan Jawi.”

( Utusan Melayu, Jumaat 23 Oktober 1987 )

Berdasarkan kajian tinjauan yang dibuat oleh DBP dalam tahun 1988, mendapati kebolehan Jawi di kalangan orang-orang Melayu adalah merosot bagi kelompok yang berumur 20 hingga 29 tahun, hanya 32% yang boleh mengenali huruf Jawi dan membaca Jawi. Kelompok yang berumur 20 tahun ke bawah hanya mampu untuk mengenali huruf Jawi sahaja. Fonomenon tersebut amat berbeza dengan responden yang berumur 40 tahun ke atas, yang 100% mampu membaca dan menulis Jawi.

Menyedari hakikat di atas dan disokong oleh perasaan bimbang akan kemungkinan pupusnya tulisan Jawi yang telah menjadi sebahagian daripada

khazanah bangsa Melayu, maka Kementerian Pendidikan dalam penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah menetapkan bidang kemahiran penguasaan jawi dimasukkan ke dalam kurikulum. Antara kenyataan tersebut adalah seperti berikut:

“Kemahiran membaca hendaklah meliputi kebolehan membaca tulisan Rumi dan tulisan Jawi pula diperkenalkan kepada murid-murid pada tahap II di tahun IV. Penekanan pada tahun IV adalah mengenal huruf, membaca dan menulis ayat mudah. Pelajaran Jawi akan diperkuuhkan lagi dengan aktiviti seperti menjawab soalan kefahaman berdasarkan petikan karangan yang dibaca dan menukar skrip Rumi kepada skrip Jawi. Penekanan pada tahun V dan VI pula adalah pengukuran dan penggunaan Jawi serta pengajaran yang disatukan dengan pelajaran bahasa Malaysia.”

(Sukatan Pelajaran: Kurikulum Baru Sekolah rendah Panduan Khas Pelajaran Jawi Tahun 3 dan 4 Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985:147)

Kebimbangan terhadap penguasaan kemahiran membaca Jawi dikalangan masyarakat Melayu dapat dirasakan apabila Kementerian Pendidikan dalam siaran Pekeliling (KP (PPK) 016/24/jld-V (88) mengambil langkah mengarahkan pengajaran Jawi dimulakan dari tahun satu sekolah rendah mulai 4 Disember 1990. Sebelum ini pengajaran Jawi bermula dari tahun tiga sahaja. Melalui pekeliling tersebut, Kementerian Pendidikan mengarahkan agar pengajaran Jawi diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Mata pelajaran Jawi KBSR dan KBSM, pengajaran ditumpukan supaya murid-murid boleh menguasai pelajaran Jawi. Sukatannya mempunyai objektif untuk meningkatkan kemahiran membaca dan menulis Jawi mulai tahun satu hingga tahun enam sekolah rendah. Keadaan yang sama juga turut berlaku di peringkat KBSM. Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum menyatakan pelajaran Jawi adalah satu program yang memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis Jawi.

Matlamat pelajaran Jawi KBSR dan KBSM adalah untuk memudahkan murid-murid mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam dan Al-Quran. Segala aktiviti yang disusun oleh Pusat Perkembangan Kurikulum memberi penekanan kepada membaca dan menulis Jawi. Tumpuan kajian ini adalah kepada murid-murid tingkatan dua di sebuah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Objektifnya membolehkan murid-murid membaca dan menulis jawi dengan betul.

## **1.2 Sejarah Tulisan Jawi**

Sejarah telah membuktikan, Islam telah sampai di alam Melayu pada abad ke- 13 Masihi. Agama Islam telah mula mendapat tempat di hati orang-

orang Melayu apabila kerajaan Melayu iaitu Samudera-Pasai menerima Islam. Rajanya yang pertama memeluk Islam ialah Sultan Malikul Saleh telah meninggal dunia pada tahun Masihi, 1297 (Ismail Hamid, 1984:417).

Sejarah tulisan Jawi mula digunakan di rantau ini bertepatan dengan tersebarnya agama Islam. Kebenaran hakikat tersebut dapat dibuktikan dengan huruf-huruf Jawi itu sendiri berasal daripada huruf-huruf Arab-Islam.

Sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu, bahasa Melayu kuno ditulis dengan menggunakan huruf-huruf dari India seperti Pallava dan Kawi. Huruf-huruf tersebut kemudiannya digantikan dengan huruf-huruf Arab yang disebut huruf Jawi (Ismail Hamid, 1988:22).

Menurut Hamdan Abdul Rahman (1984:1), di Tanah Melayu bukti yang jelas tentang penggunaan huruf-huruf Arab sebagai alat perakam peristiwa dalam bahasa Melayu terbukti selepas terjumpanya Batu Bersurat di Terengganu.

Tentang nama Jawi yang dipakai pada huruf-huruf Arab itu mungkin berkait rapat dengan istilah ‘Jawi’ yang dipanggil kepada orang-orang dari Asia Tenggara yang tinggal di Tanah Arab.

“Gelaran ‘Jawi’ bagi huruf-huruf Arab mungkin berkait rapat dengan panggilan Jawi yang digunakan oleh orang Arab terutama di Mekah terhadap bangsa Melayu dan Indonesia hingga ke hari ini. Perkataan Jawi ini ialah kata sifat yang membawa erti ‘orang Jawa’ atau berasal dari tanah Jawi. Penulis-penulis Arab pada zaman klasik termasuk Ibn Batuttah dalam bukunya Al-Rihlah menggelar pulau Sumatera sebagai al-Jawah. Oleh itu orang Arab merangkum orang Melayu dan Jawa sebagai bangsa Jawi dan tulisan Melayu yang menggunakan huruf itu disebut tulisan Jawi.”

( Ismail Hamid, 1988:22)

Menurut Raja Mukhtarudin Dain (1972:309) pula, tulisan Jawi berpunca dari Sumatera Utara dan telah tersebar ke merata tempat di gugusan pulau-pulau Melayu. Penyebarannya adalah bertalian erat dengan perkembangan agama Islam di daerah ini. Beliau juga ada memetik pendapat R.O. Winstedt yang menyatakan bahawa, huruf Jawi sebagai lambang tulisan bahasa Melayu telah digunakan secara sistematis semenjak awal abad ke- 17 lagi. Menurut beliau lagi:

“R.O. Winstedt dalam bukunya ‘Malay Grammar’ Oxford University Press Britain, 1957, berkata, “From the evidence of the earliest Malay manuscripts extant, it is clear that there was a fixed standard for the spelling of Malay in Arabic characters, at the very beginning of the seventeenth different places in the Malayan Archipelago.”

Semenjak dari tarikh permulaan perkembangannya, tulisan Jawi mencapai puncak kegemilangan di samping mengalami beberapa pembaharuan dan penyesuaian mengikut keperluan masa.

“Sistem ejaan Jawi yang digunakan 300 tahun dahulu itu telah dibaharui pula kemudiannya. Beberapa perubahan telah dilakukan dan sistem itulah yang masih digunakan sekarang di Malaysia.”

( Raja Mukhtarudin Dain, 1972:309)

Kemuncak kegemilangan tulisan Jawi akhirnya sampai juga kepada zaman gelapnya, apabila berlaku pertukaran sistem politik dan pendidikan daripada sistem politik Melayu tradisional kepada kuasa politik Barat melalui beberapa siri proses penjajahan.

### **1.3 Latar Belakang**

Za'ba (1958), pernah melahirkan rasa kebimbangannya terhadap kedudukan tulisan Jawi yang kini telah menjadi satu kenyataan yang pahit yang harus ditelan oleh orang-orang Melayu.

“ Tulisan Jawi akan ke tepi tertinggal di cherok-cherok rantau desa sahaja di antara puak-puak yang hanya

berfahaman dan berpelajaran chara-chara pada serba serbinya.”

Kebimbangan yang pernah dinyatakan oleh Za'ba itu benar-benar menepati sasarananya apabila diperhatikan pada hari ini tulisan Jawi hanya layak berada dan dipelajari oleh penuntut-penuntut sekolah Pondok yang terletak di daerah-daerah pedalaman sahaja. Keadaan menjadi semakin sukar kerana tulisan Jawi yang diwarisi berabad-abad lalu tidak dipelihara dari segi pemberian taraf, sistem ejaan dan keperluan dari segi kegunaannya. Menurut Abdullah Mohammad Ali (1982:7) tulisan Jawi kini hanya dijadikan perhiasan semata-mata. Menurut beliau lagi hal tersebut tidaklah mencukupi malah tulisan Jawi perlu diperluaskan lagi penggunaannya di sekolah-sekolah dan dalam semua urusan. Walaupun pelajaran ada disampaikan di sekolah tetapi apa yang disampaikan di sekolah juga hanya sekadar melepaskan tanggungjawab. Walaupun masih ada segelintir golongan yang merasakan tulisan Jawi sebagai khazanah dan maruah bangsa. Namun dengan ketiadaan pelaksanaan secara tegas, minat dan kesedaran itu akhirnya akan beransur-ansur pupus.

Walau bagaimanapun, dekad 80-an dan 90-an merupakan zaman kebangkitan semula keprihatinan ahli masyarakat terhadap tulisan Jawi. Penggunaan tulisan ini telah dipopularkan semula. Mempelajari dan

menggunakan tulisan Jawi tidaklah terbatas kepada hal-hal agama semata-mata, tetapi adalah kerana tulisan ini pernah menjadi medium utama bagi bahasa Melayu itu sendiri (Syed Mohamad Naquib 1972, Omar Awang 1978, Ismail Hamid 1984 dan Matlob dalam Utusan Melayu 23 Ogos 1993). Kesungguhan mengembalikan kegembilangan tulisan Jawi ini jelas diketengahkan melalui usul-usul dari Konvensyen Tulisan Jawi 1984 di Terengganu, Seminar tulisan Jawi 1991 di Pusat Islam, Kuala Lumpur dan Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan anjuran UUM dan Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, Nov, 1993. Keprihatinan masyarakat ini dikemukakan kepada pihak kerajaan melalui resolusi yang diambil daripada seminar Tulisan Jawi 1991 ialah; meningkatkan latihan guru dalam bidang pedagogi pengajaran Jawi. Ini termasuklah peningkatan sumber/media bahan bacaan Jawi, kedudukan Jawi dalam sukatan pelajaran di Maktab Perguruan dan juga peningkatan penggunaan tulisan Jawi dalam pendidikan dan penggunaan rasmi.

Rumusan resolusi konvensyen dan seminar ini mendorong penyelidik untuk membuat kajian yang objektif tentang beberapa masalah mikro dan makro yang saling pengaruh mempengaruhi sehingga usaha pengajaran Jawi di sekolah-sekolah menjadi bermasalah.

#### 1.4 Pernyataan Masalah

Kemerosotan penguasaan pelajaran Jawi di kalangan murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia adalah disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Keupayaan murid-murid sekolah menengah menguasai pelajaran Jawi amat mengecewakan. Masalah di peringkat sekolah menengah ini harus dikaji dan dianalisis supaya ianya dapat diatasi dengan segera. Murid-murid yang dapat menguasai Jawi, dengan mudah mempelajari bahasa Arab. Gang (1986), seorang pengkaji berbangsa Korea, berpendapat bahawa tulisan Jawi boleh mendekati bahasa Arab dengan lebih mudah kerana agama Islam lebih sesuai dengan bahasa Arab atau Jawi.

Selain itu, penguasaan tulisan Jawi juga memberi kelebihan kepada murid-murid untuk merujuk dan menimba ilmu pengetahuan yang banyak ditulis dalam tulisan Jawi. Menurut catatan Edrus (1962), semenjak akhbar Jawi Peranakan diterbitkan di Singapura pada tahun 1876, muncul akhbar dan majalah-majalah bertulisan Jawi dalam bentuk harian, mingguan, bulanan, dwibulanan, tahunan di beberapa buah negeri Persekutuan Tanah Melayu.

Kajian dilakukan oleh Mokhtar Al-Fakari (1990), dari Universiti Sains Malaysia mendapati bahawa pencapaian murid-murid sekolah dalam bidang kemahiran menulis dan membaca Jawi KBSR adalah di tahap yang paling rendah. Secara purata markah ujian murid-murid adalah kurang daripada 50%. Laporan Kajian Pelaksanaan Pelajaran Jawi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) (1992) mendapati majoriti guru pelajaran Jawi (lebih 70%) berpendapat peruntukan masa sebanyak 30 minit untuk pelajaran Jawi adalah tidak mencukupi. Adalah jelas, berdasarkan kajian-kajian tersebut bahawa pengurusan Jawi di kalangan murid-murid sekolah rendah adalah lemah. Masalah ini berlanjut hingga ke sekolah menengah.

Satu kajian yang lebih menyeluruh tentang sejauh manakah tahap kemahiran membaca dan menulis Jawi di peringkat sekolah menengah perlu dijalankan. Ini akan memberi petunjuk kepada masyarakat Melayu khasnya dan juga Kementerian Pendidikan untuk mengambil langkah-langkah yang wajar supaya kemahiran membaca dan menulis Jawi ini dapat dipertingkatkan, terutamanya di peringkat sekolah menengah.

### 1.5 Tujuan Kajian

Smith dan Johnson (1980), menyatakan bahawa membaca merupakan satu kegiatan yang memerlukan seseorang itu berjaya mendapatkan mesej atau maksud yang ingin disampaikan oleh penulis bahan bacaan. Justeru itu, dalam proses membaca, seseorang itu perlu berfikir, merasai dan membayangkan apa yang dibaca. Proses tersebut adalah perlu untuk memahami isi, maklumat, penerangan atau mesej yang hendak diberi oleh penulis.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk membuat tinjauan tentang tahap kemahiran membaca dan menulis Jawi di kalangan murid-murid tingkatan dua. Tinjauan akan dibuat ke atas sejauh manakah murid-murid tingkatan dua dapat menjawab soalan-soalan pemahaman, mengisi tempat kosong, melengkapkan ayat, menukar perkataan Rumi kepada Jawi dan menuarkan perkataan Jawi kepada Rumi. Soalan-aoalan yang dikemukakan telah disesuaikan dengan bahan yang telah dikenal pasti sesuai untuk tahap murid-murid tingkatan dua di sekolah menengah.

### 1.6 Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Bagaimakah tahap kefahaman bacaan Jawi di kalangan murid-murid tingkatan 2 ?
2. Bagaimakah tahap kemahiran mengeja Jawi di kalangan murid-murid tingkatan dua ?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian kemahiran membaca dan mengeja Jawi di antara murid lelaki dan perempuan di tingkatan dua ?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian kemahiran membaca dan mengeja Jawi di kalangan murid-murid tingkatan dua yang pernah belajar di Sekolah Rendah Agama dengan yang tidak pernah belajar di Sekolah Rendah Agama ?
5. Adakah terdapat perbezaan tahap pencapaian kemahiran membaca dan mengeja Jawi di kalangan murid-murid dalam kelas yang baik dengan murid-murid dalam kelas yang lemah di setiap bahagian ujian ?

### 1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini akan dapat menunjukkan bahawa tahap pencapaian pemahaman murid-murid tingkatan dua dipengaruhi oleh tahap kebolehbacaan mereka. Kajian ini juga penting kepada murid-murid supaya terus meningkatkan kebolehan membaca serta kebolehannya memahami bahan-bahan yang dibaca. Kajian ini juga penting untuk memberi kesedaran kepada murid-murid bahawa mereka harus mencari strategi-strategi memahami apa yang mereka baca. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru pelajaran Jawi, khususnya guru-guru Pendidikan Islam untuk meningkatkan lagi prestasi pengajaran mereka dalam pelajaran Jawi. Dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak sekolah untuk mencari jalan untuk meningkatkan mutu pelajaran Jawi di kalangan murid-muridnya. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu bahagian buku teks untuk merancang bahan-bahan bacaan yang dapat merangsang minat murid menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi. Berdasarkan maklumat daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan untuk mengatasi kelemahan penguasaan Jawi bagi murid-murid sekolah menengah.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini terbatas kepada 80 orang murid dalam dua kelas di tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Tembak, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini hanya menggambarkan keadaan yang berlaku di sekolah ini. Kajian ini dijalankan dalam bentuk soal selidik dan soalan pemahaman. Ujian yang dijalankan tertumpu kepada kemahiran membaca dan menulis dalam bentuk kefahaman, mengisi tempat kosong, menulis semula perkataan dari Jawi ke Rumi, menulis semula perkataan Rumi ke Jawi dan melengkapkan ayat. Ini bertujuan untuk mengetahui kemahiran murid-murid membaca dan menulis Jawi.

### **1.9 Definisi Istilah**

Berbagai-bagai istilah digunakan di dalam kajian ini. Di antara istilah yang utama akan diberikan definisinya seperti di bawah:

### 1.9.1 Penguasaan/Kemahiran

Penguasaan/kemahiran dari segi istilah umum menurut Teuku Iskandar (1984:612) ialah perihal menguasai ke atas sesuatu. Apabila maksud penguasaan/kemahiran ini diberi perluasan maknanya ia menjelaskan tentang kewibawaan untuk menguasai dan mengurus atau mengendalikan sesuatu perkara dengan pengetahuan dan kefahaman yang mencukupi.

Dalam konteks pengajaran, konsep penguasaan/kemahiran dimaksudkan kepada kemampuan atau keupayaan menaakul dan memahami dan seterusnya beroperasi dengan sumber pengetahuan tersebut.

Daripada definisi yang diberikan oleh Awang Sariyan (1984:XIV), tentang konsep penguasaan bahasa, jika dipindahkan kepada konsep penguasaan tulisan Jawi, ia membawa makna kebolehan/kemahiran seseorang menggunakan tulisan Jawi dengan betul dari segi peraturan-peraturan yang sedia ada seperti peraturan ejaan dan teknik menulis.

Raminah Sabran dan Rahim Syam (1985:1), memberi definisi penguasaan sebagai kemampuan membuat tafsiran ke atas lambang-lambang dan sistem bagi memperolehi pengetahuan dan pernyataan sama ada dalam bentuk tulisan dan

bacaan. Dalam konteks penguasaan Jawi, berdasarkan definisi tersebut ia membawa maksud keupayaan atau kebolehan/kemahiran mengenal lambang-lambang huruf Jawi, sistem ejaannya dan kebolehan untuk membaca sistem tulisan tersebut.

#### **1.9.2 Kebolehbacaan**

Satu konsep yang merujuk kepada tahap atau darjah susah senangnya sesuatu bahan untuk dibaca. Bahan-bahan yang susah untuk dibaca dikatakan mempunyai tahap kebolehbacaan yang tinggi. Tahap kebolehbacaan sesuatu bahan berbeza-beza bergantung kepada tahap kebolehan seseorang pembaca.

#### **1.9.3 Kefahaman/Pemahaman**

Kefahaman/pemahaman ialah keupayaan menukuh, mentafsir dan menilai sesuatu dengan sepenuhnya tentang apa yang dibaca. Ia merupakan suatu proses mendapatkan makna daripada komunikasi sama ada melalui lisan, tulisan, atau penggunaan lambang-lambang tertentu.

#### 1.9.4 Membaca

Membaca ialah satu kemahiran yang boleh dikuasai secara mekanikal menerusi latihan-latihan yang dilakukan berulang-ulang kali. Atan Long (1976) di dalam siasatannya mengenai membaca ialah:

“....proses mentafsirkan kembali lambang-lambang bertulis dan mendapatkan makna atau buah fikiran daripada bahan-bahan bertulis.”

Bullock (1975) pula merumuskan yang membaca adalah,

“...lebih daripada semata-mata pembinaan pengertian menurut pengarang. Membaca ialah tanggapan segala pengertian menurut keadaan yang berhubungan dengan pengalaman pembaca iaitu satu proses yang lebih aktif dan mencabar. Dalam hal ini pembaca perlu berfikir dengan kritikal dan kreatif bagi menghubung kait apa yang dibaca dengan apa yang sedia diketahui olehnya: menilai maklumat baru menurut maklumat yang sedia ada itu dan juga menilai maklumat yang lama selaras dengan yang baru.”

### 1.9.5 Tulisan Jawi

Menurut Pedoman Ejaan Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka (1986) tulisan Jawi adalah sejenis sistem tulisan dari kanan ke kiri. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil. Ia hanya mempunyai perubahan bentuk kepada huruf-huruf apabila ditulis secara tunggal atau berangkai.

### 1.9.6 Jawi

Jawi yang dimaksudkan di sini ialah tulisan dan ejaan yang menggunakan huruf-huruf abjad Arab dan beberapa huruf yang diubah suai mengikut lidah Melayu. Jumlah huruf Jawi yang digunakan untuk mengeja dan menulis kata-kata Bahasa Melayu ada 35 semuanya:

29 huruf yang berasal daripada Arab (ا - ي )

4 huruf yang berasal daripada Farsi (ع ف ک ن )

1 huruf yang berasal daripada Melayu (ڦ )

1 huruf yang ditambah oleh jawatankuasa ejaan yang disempurnakan (ڦ )

35 huruf

(Pedoman Umum Ejaan Jawi Yang Disempurnakan, 1987:1)

Huruf-huruf Jawi itu ialah seperti berikut:

| Siri | Huruf Jawi | Padanan Huruf Rumi |
|------|------------|--------------------|
| 1.   | ا          | a                  |
| 2.   | ب          | b                  |
| 3.   | ت          | t                  |
| 4.   | ڦ          | h, t               |
| 5.   | ڙ          | s, th              |
| 6.   | ڇ          | j                  |
| 7.   | ڻ          | h                  |
| 8.   | ڻ          | kh                 |
| 9.   | ڏ          | d                  |
| 10.  | ڏ          | z                  |
| 11.  | ڻ          | r                  |
| 12.  | ڻ          | z                  |
| 13.  | س          | s                  |
| 14.  | ش          | sy                 |
| 15.  | ڦ          | s                  |
| 16.  | ڦ          | d                  |
| 17.  | ڦ          | t                  |

|     |  |          |
|-----|--|----------|
| 18. |  | z        |
| 19. |  | a, k     |
| 20. |  | gh       |
| 21. |  | f        |
| 22. |  | k, q     |
| 23. |  | k        |
| 24. |  | l        |
| 25. |  | m        |
| 26. |  | n        |
| 27. |  | w, o, u  |
| 28. |  | v        |
| 29. |  | h        |
| 30. |  | k, (s)   |
| 31. |  | y, i , e |
| 32. |  | c        |
| 33. |  | ng       |
| 34. |  | p        |
| 35. |  | g        |
| 36. |  | ny       |

Catatan: Jumlah siri menjadi 36 kerana dimasukkan ( ta marbutah ) pada nombor siri keempat.

### **1.9.7 Pelajar Tingkatan Dua**

Daripada istilah yang lebih umum, menurut Teuku Iskandar (1984:780), pelajar atau murid ialah orang atau kanak-kanak yang sedang belajar atau berguru atau menuntut. Hornby (1974:690), mentakrifkan murid sebagai ‘a young person who is learning in school or from a private teacher’.

Sharifah Alawiah Alsagoff (1985:13), mentakrifkan murid atau pelajar sebagai individu kepada satu organisasi sosial yang mempunyai struktur berdasarkan umur dan darjah atau kelas. Mereka dibezakan oleh murid yang lebih tua dan yang lebih muda dengan berada di dalam kelas atau darjah yang lebih tinggi. Bagi pelajar-pelajar yang lebih tua, sebagai sebuah organisaasi sosial mereka berhak menerima penghormatan daripada murid-murid yang lebih muda.

Menurut definisi Kementerian Pendidikan (1988:13), murid atau pelajar ialah individu yang terdiri dari tiga peringkat dalam alam persekolahan. Tiga peringkat tersebut ialah, peringkat sekolah rendah yang berumur dari 7 - 12 tahun. Peringkat menengah rendah yang berumur dari 13 - 15 tahun dan peringkat menengah atas yang berumur dari 16 - 19 tahun.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan beberapa definisi di atas, bahawa pelajar ialah satu kelompok manusia yang pada umur tertentu ditugaskan kepada mereka untuk belajar. Dalam konteks kajian ini pelajar tingkatan dua ialah mereka yang berumur antara 13 - 14 tahun iaitu dalam kategori sekolah menengah rendah.